Jasa Ghafar tak terhitung — PM

UM – 25/4/2006

KUALA LUMPUR 24 April – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyifatkan pemergian Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba sebagai kehilangan seorang negarawan dan pejuang yang tidak dapat dihitung jasanya kepada masyarakat dan ketokohannya sukar dicari ganti.

Perdana Menteri berkata, Allahyarham memperlihatkan kematangan dan sentiasa menyampaikan suara keseimbangan terutamanya dalam perkara sensitif menyentuh agama, kaum, budaya dan bangsa.

"Padamlah satu kandil negara yang sepanjang hayatnya menyalakan cahaya untuk menerangi kehidupan bangsanya.

"Allahyarham lahir dalam keluarga miskin tetapi kemiskinan tidak menghalangnya mencipta kejayaan.

"Malah kemiskinan itu menjadi sumber kekuatan yang menjadikan Allahyarham kaya dengan pengalaman dan kukuh dengan keazaman hingga sampai ke peringkat yang diiktiraf sebagai seorang negarawan," katanya.

Beliau yang membentangkan usul merakamkan perasaan dukacita di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Ghafar dan ucapan takziah kepada keluarganya di Dewan Rakyat berkata, bekas Timbalan Perdana Menteri itu adalah seorang tokoh negara dan bangsa.

Ghafar, 81, kembali ke rahmatullah di Pusat Perubatan Gleneagles Intan (GIMC) pada pukul 7.35 pagi semalam selepas 90 hari terlantar akibat komplikasi jantung, paru-paru dan buah pinggang.

Allahyarham disemadikan di Makam Pahlawan, Masjid Negara dengan penuh penghormatan negara disaksikan oleh Abdullah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, para menteri Kabinet, kaum keluarga Allahyarham dan orang ramai.

Abdullah berkata: "Sebahagian besar hayatnya diabadikan untuk berkhidmat kepada negara bangsanya.

"Setiap tanggungjawab yang diamanahkan dipenuhi dengan penuh komitmen, dilaksanakan secara gigih.

"Allahyarham adalah anak Melayu dari sebuah perkampungan Melayu tetapi memiliki pemikiran terbuka hingga diterima keikhlasannya sebagai pemimpin oleh setiap warga Malaysia pelbagai agama dan kaum."

Perdana Menteri menggambarkan Allahyarham Ghafar seorang pemimpin yang berpegang kepada falsafah orang Semenda iaitu 'dijemput datang - disuruh pergi'.

Allahyarham, kata beliau, walaupun tidak lagi memegang jawatan dalam kerajaan, tetapi terus menyokong dan taat kepada parti dan kerajaan serta bersedia memberi pandangan dan nasihat apabila diperlukan.

Beliau berkata, itulah sifat negarawan yang telah dibuktikan oleh Allahyarham yang wajar dijadikan contoh.

"Semoga segala pengorbanan dan perkhidmatan Allahyarham diterima oleh Allah sebagai amal yang diberikan ganjaran," kata beliau.